

02/07/2001

Pemuda Negara buat laporan polis

SERDANG, Ahad - Sekurang-kurangnya 10 pertubuhan yang dipercayai dianggotai pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan, dikatakan menjadi alat parti pembangkang serta gerakan menentang kerajaan.

Sehubungan itu, Persatuan Pemuda Negara Malaysia (Pemuda Negara) membuat laporan di Balai Polis Serdang di sini pada jam 1.10 tengah hari ini, bagi mendesak pihak berkuasa menjalankan siasatan berhubung kegiatan sebuah pertubuhan terbabit.

Presiden Pemuda Negara, Steven Doss, Timbalan Presidennya, Ezarudin Abd Rahman serta 15 ahli persatuan berkenaan, hadir di balai berkenaan.

Bercakap kepada pemberita, Ezarudin berkata, kajian persatuan itu mendapati pertubuhan terbabit mengadakan pakatan dengan pembangkang bagi menggulingkan kerajaan.

Beliau mendakwa Pemuda Negara mempunyai bukti pertubuhan itu terbabit dengan kegiatan berkenaan, antaranya mengadakan demonstrasi membantah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) serta mendesak pemimpin negara terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya berundur.

"Saya berpendapat bukti yang ada sudah cukup untuk menggambarkan kegiatan mereka tidak boleh dipandang ringan oleh kerajaan.

"Saya meminta kerajaan, terutama Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan dan pihak universiti, memantau kegiatan mereka," katanya.

Beliau mendakwa sebuah pertubuhan itu yang dianggotai persatuan mahasiswa Islam institusi pengajian tinggi awam dan swasta, ditubuhkan bagi mengabui mata masyarakat kononnya mereka tidak berjuang atas nama mahasiswa, sebaliknya atas nama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) luar.

"Saya fikir kegiatan pertubuhan ini perlu disiasat dan kajian mendapati mereka sudah lama merancang menjalankan kegiatan untuk menggulingkan kerajaan yang kita tidak nampak selama ini.

"Saya fikir ini satu tindakan melampau oleh segelintir mahasiswa yang menubuhkan NGO untuk menggulingkan kerajaan," katanya.

Sementara itu, Steven Doss berkata, Pemuda Negara berpendapat pertubuhan itu mempunyai potensi untuk melakukan kerosakan lebih besar berbanding pertubuhan lain.

"Sehubungan itu kami meminta polis menyiasat pertubuhan ini kerana tidak berdaftar dan berharap Kementerian Pendidikan serta Kementerian Dalam Negeri melihat perkara ini secara serius kerana ia bertentangan dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti serta Akta Pertubuhan," katanya.

Di JOHOR BAHRU, Pergerakan Pemuda Umno mendesak pentadbiran IPT dan pihak berkuasa mengharamkan segera gerakan pertubuhan tidak berdaftar yang dikesan cuba menyebarkan ideologi parti pembangkang dan mempengaruhi pelajar supaya bersifat ekstrim.

Penolong Setiausahanya, Zulkifli Mohd Alwi, kluatir gerakan bawah tanah pertubuhan terbabit turut menerapkan unsur militan kepada pelajar IPT yang akhirnya boleh mengancam ketenteraman negara.

Beliau yang ditemui selepas mengadakan lawatan sempena Program Pemuda Prihatin di Hospital Sultanah Aminah (HSA) hari ini, berkata pihaknya dimaklumkan beberapa gerakan bawah tanah bergiat di beberapa IPT.

Katanya, pihak berkuasa juga perlu mengawasi beberapa gabungan mahasiswa Islam yang bercerminkan parti pembangkang kerana sebahagian besar ahlinya berdaftar sebagai ahli parti pembangkang dan aktif menyebarkan fahaman parti serta mempengaruhi pelajar IPT lain.

"Sudah tiba masanya pentadbiran universiti bersikap tegas dan

mengharamkan pertubuhan tidak berdaftar yang menganjurkan gerakan bawah tanah selain menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan.

"Kebanyakan gerakan pertubuhan berkaitan mahasiswa mempunyai kecenderungan menebal kepada parti pembangkang dan kita khuatir mereka turut mengapi-apikan mahasiswa dengan sikap ekstrimisme.

"Pergerakan Pemuda Umno tidak dapat menerima tindak tanduk keterlaluan parti pembangkang dan kita juga tidak akan berpeluk tubuh membiarkan ia terus berlaku," katanya.

(END)